



TENDER PERKHIDMATAN  
PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN  
KENDERAAN PERBADANAN PUTRAJAYA BAGI  
TEMPOH TIGA (3) TAHUN

**NO. TENDER: PPj/T/JK/25/2022**



# TAKLIMAT TENDER

<b>SYARAT MEMASUKI TENDER</b>	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang 220104 ATAU 220105 (kenderaan bawah 3 tan/ atas 3 tan) DAN BUMIPUTERA
<b>TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK</b>	Taklimat dijalankan (dalam betuk slaid) mulai: <ul style="list-style-type: none"><li>▪ 17 Jun 2022 (Jumaat)</li><li>▪ Di pautan berikut: <a href="https://www.ppj.gov.my/main-menu/tender-sebut-harga">https://www.ppj.gov.my/main-menu/tender-sebut-harga</a></li></ul> <p><i>*Lawatan Tapak Tidak Diwajibkan</i></p>
<b>TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL</b>	17 Jun 2022 (Jumaat) sehingga 30 Jun 2022 (Khamis)  Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya



# TAKLIMAT TENDER

<b>HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN &amp; BAYARAN ATAS NAMA</b>	Ringgit Malaysia <b>RM500.00</b> (Tidak Dikembalikan)  <b>Tunai/Deraf Bank</b> Perbadanan Putrajaya
<b>TARIKH, WAKTU &amp; TEMPAT TENDER TUTUP</b>	8 Julai 2022 (Jumaat) 12.00 Tengah hari  Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya

# SKOP KERJA

1.	Kontraktor hendaklah menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, peralatan, perkakas, bahan-bahan dan alat ganti yang mencukupi bagi tujuan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan Perbadanan Putrajaya.
2.	Kontraktor hendaklah mempunyai Bengkel yang sah dan mempunyai lesen premis perniagaan yang sah oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau mana-mana pihak berkaitan.
3.	Skop perkhidmatan utama adalah seperti yang dinyatakan di dalam Jadua Kadar Harga.
4.	Kontraktor hendaklah datang mengambil kenderaan di Perbadanan Putrajaya dan/atau mana-mana tempat yang dinyatakan oleh Wakil Perbadanan Putrajaya untuk tujuan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan serta menghantarkan kembali kenderaan tersebut setelah kerja selesai dilakukan dengan sempurna berdasarkan arahan kerja yang dikeluarkan.
5.	Kontraktor hendaklah melakukan kerja-kerja penyelenggaraan mengikut arahan yang dikeluarkan melalui Borang Arahan kerja yang disahkan oleh Wakil Perbadanan Putrajaya. Sebarang tambahan kerja yang hendak dilakukan dan tidak terdapat dalam Borang Arahan Kerja hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan dan kebenaran dari Wakil Perbadanan Putrajaya.

# SKOP KERJA

6.	Kontraktor hendaklah memastikan keperluan alat ganti yang tulen dan mencukupi serta mempunyai jaminan mutu terhadap alat ganti tersebut. Penggunaan alat ganti terpakai adalah dilarang dan tidak dibenarkan.
7.	<p>Kontraktor hendaklah memastikan tahap kecekapan perkhidmatan sentiasa dipatuhi dan dilaksanakan seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"><li data-bbox="290 694 2428 796">i. Melengkapkan kerja-kerja penyelenggaraan di dalam tempoh masa yang telah di tetapkan atau tidak lebih dari tujuh (7) hari.</li><li data-bbox="290 865 2428 968">ii. Hasil mutu kerja penyelenggaraan kenderaan adalah sama sepertimana piawaian asal kenderaan tersebut.</li><li data-bbox="290 1036 2428 1139">iii. Kualiti komponen-komponan penyelenggaraan adalah sama dan setaraf dengan kualiti komponen asal kenderaan.</li><li data-bbox="290 1208 2428 1310">iv. Penyelenggaraan berulang ke atas komponen yang sama tidak akan berlaku dalam masa singkat.</li></ul>

# SKOP KERJA

8.	Kontraktor hendaklah menyediakan trak tunda (tow-truck) yang bersesuaian dengan jenis/model kenderaan untuk memberi perkhidmatan penundaan kenderaan yang mengalami kerosakan atau kemalangan di mana-mana kawasan Putrajaya atau kawasan yang dinyatakan.
9.	Kontraktor hendaklah melakukan pemeriksaan kenderaan ke PUSPAKOM bagi kenderaan Perbadanan Putrajaya apabila diarahkan oleh Wakil Perbadanan.
10.	Kontraktor hendaklah memberi jaminan mutu perkhidmatan kepada tiap-tiap kenderaan yang diselenggara termasuk alat ganti yang dibekalkan dalam keadaan baik dan tulen serta memenuhi spesifikasi. Dalam tempoh jaminan ini, Kontraktor akan membaiki dan menggantikan dengan percuma alat ganti pada bahagian yang rosak tanpa mengenakan sebarang kos tambahan.
11.	Sekiranya Kontraktor gagal menyiapkan Perkhidmatan tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan atau berlaku sebarang kelewatan, Perbadanan berhak untuk mengenakan denda mengikut formula yang ditetapkan sebagai ganti rugi akibat Perkhidmatan tidak siap bagi setiap hari kelewatan daripada jumlah wang yang kena dibayar oleh Perbadanan kepada Kontraktor seperti dinyatakan dalam <i>Service Level Agreement (SLA)</i> .

# SKOP KERJA

12.	Kontraktor hendaklah sentiasa berkerjasama dengan Perbadanan, pekhidmat dan pekerja semasa lawatan pemantauan ke Bengkel/tapak atau apa-apa urusan rasmi yang diperlukan.
13.	Kenderaan yang masih di dalam jaminan pengeluar hendaklah dihantar oleh Kontraktor ke Pusat Servis berkenaan mengikut arahan yang dikeluarkan oleh Wakil Perbadanan Putrajaya bagi mengelakkan jaminan pengeluar tidak terbatal.
14.	Kontraktor hendaklah mempunyai kakitangan yang mencukupi dan mempunyai sekurang-kurangnya Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Automotif atau setaraf dan berpengalaman dalam bidang berkaitan minima 2 tahun.
15.	Kontraktor hendaklah mematuhi tatacara dan Prosedur Operasi Standard Covid-19 yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh Majlis Keselamatan Negara bagi mengelakkan penularan wabak ini.

# JENIS KENDERAAN

Semua kenderaan Perbadanan Putrajaya kecuali motorsikal adalah tertakluk di dalam Kontrak Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kenderaan Perbadanan Putrajaya ini. Jenis-jenis kenderaan yang tertakluk di dalam kontrak ini adalah seperti berikut:-

- |   |  |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Toyota Hilux</li><li>▪ Toyota Hiace</li><li>▪ Toyota Innova</li><li>▪ Toyota Camry</li><li>▪ Proton Perdana</li><li>▪ Proton Persona</li><li>▪ Proton Waja</li><li>▪ Proton Inspira</li><li>▪ Proton Exora</li><li>▪ Proton Preve</li><li>▪ Proton X70</li><li>▪ Honda Accord</li><li>▪ Honda CRV</li><li>▪ Honda Civic</li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Perodua Alza</li><li>▪ Perodua Rusa</li><li>▪ Perodua Kembara</li><li>▪ Nissan X-Trail</li><li>▪ Nissan Frontier</li><li>▪ Mitsubishi Storm</li><li>▪ Mitsubishi Triton</li><li>▪ Mitsubishi Pajero</li><li>▪ Mitsubishi Xpander</li><li>▪ Isuzu D-Max</li><li>▪ Weststar Maxus</li><li>▪ Lori 3 Tan</li><li>▪ Bas 3 Tan</li><li>▪ Kenderaan-kenderaan Lain Beroda (Bawah 3 Tan)</li></ul> |
|---|--|





---

TERIMA KASIH

---